

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Puan Teresa kok Suh Kim [Seputeh]

TARIKH : 17 Mei 2016 (Selasa)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Kerajaan memotong peruntukan kepada SUHAKAM secara drastik daripada RM13 juta kepada RM5 juta. Apakah program yang akan dilaksanakan oleh SUHAKAM pada tahun 2016 dengan bajet yang begitu kurang tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2016, Kerajaan telah meluluskan geran perbelanjaan mengurus dengan peruntukan sebanyak RM5.5 juta kepada SUHAKAM. Susulan jumlah pemotongan baru-baru ini yang diumumkan Kerajaan, SUHAKAM telah mengambil beberapa langkah untuk menghadapi kekangan kewangan tersebut. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

(i) SUHAKAM telah menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan 3.3 iaitu "Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan" yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2016;

(ii) SUHAKAM bersetuju untuk menghadkan aktiviti hanya di Lembah Klang dan mengoptimumkan penggunaan bilik mesyuarat SUHAKAM untuk menjalankan programnya;

(iii) Aktiviti dan program SUHAKAM yang memerlukan bajet yang besar telah ditangguhkan buat masa ini; dan

(iv) SUHAKAM hanya menghadiri program luar negara yang benar-benar penting dan/atau program yang mana kos penyertaan ditanggung oleh penganjur.

Sesungguhnya pemotongan oleh Kerajaan ini merupakan suatu langkah *recalibration* perbelanjaan awam secara berhemat untuk mengawal aliran tunai negara melibatkan kesemua kementerian dan jabatan serta agensi Kerajaan terlibat khususnya melibatkan peruntukan mengurus. Susulan pemotongan geran tahunan tersebut, SUHAKAM akan menggunakan keseluruhan rizab kumpulan wangnya bagi menangani defisit yang dijangka. SUHAKAM telah dibenar untuk menggunakan rizab kumpulan wang sedia ada bagi menampung perbelanjaan operasi SUHAKAM bagi tahun 2016. Walaubagimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak, pihak SUHAKAM bolehlah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan peruntukan tambahan selepas bulan Jun 2016.

Sekian, terima kasih.